

22/09/1998

Malaysia serba boleh

mi Samad; Saufi Hamzah; Hussain Said; Wan Jailani Razak; Mohd Ali Majid  
JIKA ada pingat emas untuk tuan rumah terbaik, Malaysia harus menerima pengiktirafan itu berikutan kejayaan cemerlangnya - baik sebagai penganjur, kemesraan layanannya mahupun semangat atlitnya sendiri bangkit menyahut cabaran.

Temasya yang berakhir dalam upacara penutup gilang-gemilang yang disempurnakan oleh Ratu Elizabeth II di Stadium Nasional malam tadi, bagaimanapun disulami rasa sedih bagi mengiringi perpisahan buat tetamu negara, sama ada yang hadir sebagai atlit, pegawai atau penonton.

Selain menghamburkan pujian serta rasa kagum dengan kemampuan Malaysia menyediakan pelbagai kemudahan sukan bertaraf dunia, mereka turut tersentuh dengan budi baik serta kemesraan rakyat negara ini.

Antara yang tidak henti-henti memuji Kuala Lumpur '98 ialah Pengerusi Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), Michael Fennell.

"Ini adalah kali pertama saya menyaksikan sebuah temasya terbesar berlangsung dalam keadaan harmoni, tidak banyak kesilapan serta rungutan kedengaran."

"Sebaliknya, hampir semua memuji Malaysia, terutama dengan sifat ramah dan kemesraan rakyat negara ini."

"Perkara ini paling digeruni oleh Manchester yang bakal menjadi tuan rumah pada 2002, kerana mereka terpaksa mengakui sikap ramah penduduknya tidak setanding dengan rakyat Malaysia," katanya semalam.

Turut melahirkan rasa bangga dengan kesungguhan rakyat negara ini menjayakan temasya kedua paling berprestij di dunia yang julung-julung kali berlangsung di sebuah negara Asia ialah Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Menurutnya, kejayaan menganjurkan temasya ini secara tidak langsung mengembalikan kegemilangan Sukan Komanwel yang kian pudar dan semakin ramai mempertikaikan kepentingannya.

"Kami harap kami berjaya memberi gambaran terbaik mengenai hakikat sebenar Sukan Komanwel. Ia sememangnya temasya muhibah yang tiada tolok bandingnya."

"Kejayaan semua pihak menjayakan temasya ini berjaya meningkatkan imej Sukan Komanwel sebagai antara kejohanan paling penting di dunia."

"Kami dengan bangga boleh berkata kami sudah melakukan yang terbaik dan membuktikan semangat kami, iaitu Malaysia Boleh," katanya menjawab soalan media asing yang terus mempertikai kemampuan Malaysia untuk menganjur kejohanan bertaraf antarabangsa selepas ini.

Bagaimanapun, Muhyiddin mengakui terdapat beberapa kelemahan tetapi ternyata ia begitu kecil jumlahnya dan kecekapan pegawai pertandingan berjaya menyelesaikan semuanya dengan pantas.

"Kita cuma mencatat tiga atau empat laporan rasmi membabitkan kesilapan dari segi teknikal, berbanding kira-kira 1,400 acara yang dipertandingkan."

"Ini membuktikan kecekapan serta dedikasi semua pegawai teknikal yang bertugas sepanjang temasya ini," katanya.

Muhyiddin berkata perkara paling membanggakan ialah komitmen yang ditunjukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melawat gelanggang pertandingan hampir setiap hari.

"Ternyata ini adalah temasya yang bakal meninggalkan sejarah warisan bagi seluruh rakyat Malaysia."

"Sukan Komanwel ini juga akan menjadi mercu tanda bagi Malaysia untuk

mencapai kejayaan lebih gemilang di gelanggang sukan pada masa akan datang," katanya.

Malah, pencapaian atlit Malaysia sendiri mungkin menyukarkan ia ditandingi di mana-mana temasya yang sama selepas ini.

Kontinjen Malaysia meraih 10 emas, 14 perak dan 12 gangsa untuk jumlah keseluruhan 36 sebagai yang terbesar dimenangnya dalam sejarah penyertaan temasya itu.

Pencapaian itu mengatasi sasaran Majlis Sukan Negara (MSN) yang menetapkan 6 emas, 6 perak dan 11 gangsa di samping Majlis Olimpik Malaysia (MOM) yang menuntut 8 emas daripada atlit negara.